

UTHM sasar 40,000 pengunjung di KPTN 2017



Orang ramai berpeluang bergambar bersama kapal terbang ringan milik UTHM di Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2017 pada Sabtu dan Ahad ini.

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), yang dipilih menjadi tuan rumah Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2017 (KPTN 2017) Zon Selatan menyasarkan 40,000 orang mengunjungi karnival berkenaan.

Karnival anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) itu membabitkan tujuh zon, bermula pada 11 Februari lalu di Kelantan dan akan berakhir pada 26 Mac depan di Negeri Sembilan.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan UTHM, karnival itu yang berlangsung selama dua hari bermula 25 Februari ini bertujuan untuk mempromosikan dan menyebarluaskan maklumat mengenai pendidikan di universiti awam.

Katanya, selain itu, ia turut menyediakan maklumat berkenaan

universiti swasta, politeknik, kolej komuniti, Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) bagi sesi akademik 2017/2018.

"Karnival berkenaan memberi peluang terutama pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), matrikulasi dan diploma/setaraf untuk mendapatkan maklumat berkenaan universiti serta kolej-kolej.

"Program ini juga berfungsi sebagai pusat sehenti yang memberikan maklumat terperinci mengenai peluang pendidikan tinggi dan pembiayaan untuk mereka," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, banyak aktiviti menarik menanti pengunjung seperti seminar kesmasukan pelajar, pameran pendidikan yang melibatkan 150 universiti awam dan swasta.

Turut diadakan sesi ceramah dan perkongsian pengalaman seperti Career Talk Bersama Angkasawan Negara, Dr Faiz Khaled, persembahan artis jemputan dan banyak lagi.

"Namun yang paling dinantikan ialah pameran Learjet dan simulasi penerbangan. Di samping itu juga terdapat aktiviti lain seperti persembahan kebudayaan oleh pelajar UTHM sendiri.

"Aktiviti sampingan turut diadakan iaitu pertandingan kuiz, pameran badan beruniform, pameran Pasukan Rowing UTHM, food truck, dan aktiviti keusahawanan pelajar," katanya.

Sehubungan itu, pihak UTHM dan KPT mempelawa orang ramai untuk hadir memeriahkan karnival berkenaan.